

## **PENGGUNAAN GARIS PANDUAN DAN ETIKA DALAM PENAMBAHBAIKAN PERJALANAN PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN KESALAHAN SYARIAH<sup>1</sup>**

*(The Use of Guidelines and Ethics in the Improving the Process of Enforcement and Prosecution of Syariah Offences)*

*Ibrahim Deris*<sup>2</sup>  
ibrahim.deris@jawi.gov.my

Kompleks Mahkamah Syariah,  
No. 71 Jalan Sri Hartamas,  
50676 Kuala Lumpur.

*Hanifah Haydar Ali Tajuddin*<sup>3</sup>  
hanifah@jawi.gov.my

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM),  
Aras 2-4, Blok D7, Kompleks D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62677 Putrajaya.  
Tel.: +603-62057000.

### **Abstrak**

Pelaksanaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia, seperti juga pelaksanaan undang-undang lain memerlukan pengetahuan para pelaksana mengenai undang-undang. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan dan pendakwaan undang-undang syariah di Malaysia terdiri daripada para pelaksana yang mempunyai latar belakang yang bercampur. Sesetengahnya berlatarbelakangkan undang-undang, manakala yang lain berlatarbelakangkan bidang lain. Hal ini lebih ketara dalam kalangan para penguat kuasa undang-undang jenayah syariah yang lantikan skimnya tidak mensyaratkan keperluan bagi seseorang itu berlatarbelakangkan undang-undang. Oleh itu pemahaman terhadap peruntukan dalam akta dan enakmen berkenaan dengan jenayah syariah tidak dikuasai. Hal ini selalunya menyebabkan salah faham dalam menginterpretasikan undang-undang. Selepas kritikan demi kritikan dibuat hasil kegagalan dalam pelaksanaan operasi pencegahan jenayah syariah,

- 1 Artikel ini merujuk akta-akta yang terpakai di Wilayah-wilayah Persekutuan.
- 2 Penulis I, semasa penulisan makalah ini, merupakan Ketua Pendakwa Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan. Sekarang beliau ialah Hakim Mahkamah Tinggi Wilayah Persekutuan.
- 3 Penulis II merupakan Pendakwa Syarie Kanan Wilayah-wilayah Persekutuan. Beliau kini merupakan calon Doktor Falsafah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

pembentukan beberapa garis panduan berkaitan tindakan penguatkuasaan khususnya dilihat dapat mengurangkan masalah berkaitan ketidakfahaman pelaksana undang-undang jenayah syariah. Hal ini demikian kerana salah satu ciri garis panduan ini, aturan dan susunan penerangan dirangka bagi memudahkan kefahaman pembacanya, hatta kepada orang awam sekalipun.

Kata kunci: garis panduan, etika, penguatkuasaan, pendakwaan, kesalahan syariah

#### ***Abstract***

*The implementation of shariah criminal law in Malaysia, like any other laws; necessitate the legal enforcers to be knowledgeable about the laws and the ways how the laws are applied. However, the enforcement and prosecution of shariah criminal law in Malaysia are facing the problem where the legal enforcers are from mix backgrounds as far as their knowledge is concerned; some of them are of legal background, while others are from non legal background. This is more apparent from amongst the legal enforcers from the religious enforcement unit where their appointment does not condition the need to have a legal background. This has caused a mere understanding of the provisions in the acts and enactments and most of the time, it contributes to misunderstanding in interpreting the laws. After so many critics made due to the failure that occurred in carrying out the operations in enforcing the Shariah criminal law, the formation of sets of guidelines is viewed as a way to solve the problem relating to the misunderstanding among the legal enforcers. This is because, one of the characteristics of the guidelines is that the elaboration is structured so to enable understanding even if it is read by the public.*

*Keywords: guidelines, ethics, enforcement, prosecution, syariah offences*

## **PENDAHULUAN**

Prinsip penting dalam perundangan syariah ialah keadilan. Prinsip ini merupakan tema atau tunjang utama perundangan Islam, lebih-lebih lagi dalam perkara yang melibatkan kepentingan atau hak orang lain. Prinsip adil dapat ditakrifkan sebagai prinsip yang mewujudkan keseimbangan dengan cara memenuhi hak dan tanggungjawab dengan menghapuskan pembaziran dan perbezaan dalam semua bidang kehidupan.<sup>4</sup> Prinsip ini dipandang tinggi kerana Allah Taala sebagai Pencipta Alam bersifat Maha

4 Rujuk Mohamad Akram Laldin, 2006. *Islamic Law an Introduction*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, hlm. 31.

Adil (العدل). Dalam al-Quran, perintah untuk berlaku adil disebut dalam beberapa surah antaranya Allah berfirman:

﴿ إِنَّ اللَّهَ بِأَمْرِكُمْ لَآتِي بِأَمْرٍ كَثِيرٍ وَالَّذِينَ آمَنُوا وَالَّذِينَ هُمْ يَحْكُمُونَ بِأَمْرِ اللَّهِ فَهُمْ كَمَا يَكْفُرُونَ أُولَٰئِكَ هُمُ الرَّاغِبُونَ إِلَىٰ عَذَابِ اللَّهِ الْعَظِيمِ ﴾

Maksud: *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyampaikan atau menunaikan amanah kepada yang berhak menerimanya dan menyuruh kamu melaksanakan sesuatu hukum itu dengan adil. Sesungguhnya Allah telah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu, sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat.*<sup>5</sup>

(Surah al-Nisa' 5:58)

Bertitik tolak daripada prinsip ini, institusi syariah telah melakukan penyelidikan dan penambahbaikan untuk memastikan prinsip ini disemai dalam setiap cabang perundangan syariah, sama ada dalam kes mal atau jenayah syariah.

Menurut terjemahan *Black's Law Dictionary*, undang-undang merupakan satu rejim pentadbiran yang bertanggungjawab mentadbir hal ehwal manusia yang dikuatkuasakan melalui sesuatu autoriti politik.<sup>6</sup> Rejim pentadbiran pula merujuk set peraturan seperti sistem penguatkuasaan undang-undang. Antara sumber undang-undang bertulis di Malaysia termasuklah Perlembagaan Persekutuan, perlembagaan negeri, akta, enakmen, ordinan dan undang-undang subsidiari yang lain. Undang-undang pula sering ditambah baik dengan adanya pindaan kepada akta atau enakmen sedia ada berserta penjelasan serta interpretasi kepada peruntukan tertentu. Bagi maksud penjelasan kepada peruntukan sedia ada, arahan amalan, garis panduan, kod etika dan sebagainya diwujudkan bagi membantu para pelaksana undang-undang melakukan tugas masing-masing.

Begitu juga halnya dengan undang-undang syariah di Malaysia yang melalui proses yang membawa kepada perkembangan dan penambahbaikan. Proses ini dilihat sebagai satu fasa yang sangat penting kerana dapat mempertingkatkan kualiti "output" dan pelaksanaan undang-undang yang sekali gus dapat memperbaiki imej institusi syariah. Kedua-dua penguatkuasaan sivil dan syariah berteraskan undang-undang yang berjalan serentak. Walau bagaimanapun, beza antara teras undang-undang

5 Surah al-Nisa' (4:58).

6 Rujuk *Black's Law Dictionary*, 2009. Edisi kesembilan. West Publishing.

sivil dengan syariah ialah undang-undang syariah berlandaskan kehendak syariah, manakala undang-undang sivil mengikut set undang-undang yang ditentukan oleh manusia. Pendekatan undang-undang syariah jika dilihat secara holistik, sebenarnya meletakkan tanggungjawab terhadap individu bukan sekadar kapasitinya sebagai manusia, akan tetapi juga sebagai seorang Muslim. Oleh itu, dalam undang-undang syariah, faktor keimanan dan perundangan tidak dapat dipisahkan.<sup>7</sup> Penambahbaikan dan perkembangan undang-undang syariah perlu selari dengan kehendak syariah; yang pada dasarnya meletakkan prinsip adil sebagai perkara utama, dan al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan utama. Seperti sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

Dari Abu Hurairah r.a, dari Nabi Muhammad SAW, bahawa Nabi bersabda: “ *Aku tinggalkan dalam kalangan kamu dua perkara yang kamu tidak sekali-kali akan sesat selagi kamu berpegang teguh kepada kedua-duanya, iaitu kitab Allah sunnah Rasulullah SAW*”<sup>8</sup>

(Malik)

Asasnya, skop dan bidang kuasa undang-undang syariah di Malaysia terbahagi kepada dua, iaitu mal dan jenayah. Fokus makalah ini ialah undang-undang jenayah syariah. Secara khususnya, makalah ini melihat garis panduan serta arahan yang wujud dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia. Sebelum itu, kepentingan serta faktor yang membawa kepada wujudnya garis panduan dan arahan tersebut diteliti. Bagi memudahkan rujukan, tulisan ini akan merujuk akta-akta yang dirujuk di Wilayah-wilayah Persekutuan.

## UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA

Undang-undang jenayah syariah di Malaysia pada hari ini telah dan masih melalui pelbagai bentuk cabaran. Kebelakangan ini, undang-undang jenayah syariah ini sering kali disangkal oleh individu dan pihak yang mempersoalkan keesahan undang-undang ini. Sebagai contoh dalam kes *Berjaya Books*

---

7 Rujuk A.Rahman I.DoI, 1981. *Non Muslim under Shariah Islamic Law*. Lahore, Pakistan: Kazi Publications, hlm.119.

8 Terjemahan hadith daripada IslamGrid, dirujuk di laman web <http://www.islamgrid.gov.my/hadith/detailed.php?id=2>.

*Sdn Bhd*;<sup>9</sup> antara isu yang dicabar adalah berkenaan dengan keesahan seksyen 13 dalam Akta Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997. Begitu juga dalam kes *Abdul Kahar*<sup>10</sup> yang mencabar peruntukan yang sama di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995. Kes-kes semakan yang mempersoalkan keesahan peruntukan di bawah akta dan enakmen jenayah syariah memperlihatkan ketidakpuasan hati segelintir pihak terhadap pelaksanaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia. Malangnya, segelintir mereka ini merupakan saudara se-Islam kita.

Walau bagaimanapun, isu yang diketengahkan dalam semakan kes jenayah syariah wajar diambil iktibar. Para pelaksana undang-undang ini seharusnya melihat isu-isu yang disemak sebagai satu cara untuk meningkatkan kualiti ketika melaksanakan tugas yang diamanahkan. Hal ini demikian kerana sebahagian tindakan yang diambil dalam penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah juga dipertikaikan dalam kes semakan. Selain itu, insiden yang berlaku ketika operasi penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah dijalankan juga agak banyak; yang kemudiannya menerima kritikan keras daripada ahli masyarakat. Faktor-faktor ini memperlihatkan kepentingan dan keperluan terhadap suatu garis panduan atau satu kaedah untuk membantu para pelaksana undang-undang jenayah syariah, khususnya dari aspek penguatkuasaan dan pendakwaan. Penulis berpendapat bahawa satu garis panduan atau arahan yang dapat memberikan penjelasan lengkap kepada peruntukan sedia ada adalah amat diperlukan. Hal ini demikian kerana sepuluh tahun yang lalu, para penguat kuasa agama dan pegawai pendakwa merupakan mereka yang terdiri daripada pegawai hal ehwal agama Islam yang berskim "S". Kelayakan bagi pegawai skim ini tidak mensyaratkan pemohonnya memiliki latar belakang atau pengetahuan dalam bidang undang-undang.<sup>11</sup> Sedangkan akta dan enakmen yang dirangka menggunakan susunan dan terma tertentu yang hanya dapat difahami oleh individu berlatarbelakangkan undang-undang. Oleh itu, garis panduan yang diwujudkan wajar disusun menggunakan ayat berbentuk penjelasan; seperti yang akan dibincangkan.

9 Berjaya Books Sdn Bhd & lain-lain (Pemohon-Pemohon) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan & lain-lain (Responden-Responden) Permohonan Semakan Kehakiman No.: 25-137-06/2012.

10 *Abdul Kahar bin Ahmad Iwn Kerajaan Negeri Selangor dan lain-lain* [2008] 4 CLJ 309.

11 Tiada latar belakang undang-undang dilihat sebagai salah satu faktor kelemahan yang merencatkan tindakan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah; sehingga tahun 2008 para pegawai pendakwa syarie telah ditukar kepada skim "LS" dengan syarat wajib bagi skim ini ialah mempunyai latar belakang undang-undang atau telah mengambil program Diploma Syariah Law Practice (DSLPL), Diploma in Law and Administration of Islamic Judiciary (DAIJ) atau Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam. Langkah ini dilihat boleh meningkatkan kualiti para pegawai pendakwa Syarie. Malangnya, tiada pertukaran skim untuk jawatan penguat kuasa agama.

## PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH

Pada tahun 2005, beberapa insiden telah berlaku dalam operasi penguatkuasaan yang dikenali sebagai Operasi di The Zouk. Operasi ini melibatkan anggota yang terdiri daripada gabungan pihak penguat kuasa agama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dengan beberapa pasukan beruniform yang lain. Suspek yang ditahan dalam operasi ini dikatakan telah diaibkan. Peristiwa yang berlaku dalam kes tangkapan di The Zouk ini menggambarkan tekanan yang dihadapi dalam pelaksanaan undang-undang jenayah syariah. Insiden ini diikuti insiden lain selepasnya dalam kes jenayah syariah yang melibatkan orang awam dan pihak tertentu yang tidak berpuas hati.<sup>12</sup>

Insiden sebegini wajar diambil iktibar supaya tidak berulang. Kritikan terutamanya terhadap aspek penguatkuasaan dan pendakwaan jenayah syariah wajar dikaji dan sebarang penambahbaikan perlu dipraktikkan. Hal ini demikian kerana kedua-duanya memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia.

Menurut Siti Zubaidah<sup>13</sup> dalam tulisannya, insiden di The Zouk ini telah menjadi pemangkin kepada wujudnya garis panduan berkenaan penguatkuasaan dan pendakwaan undang-undang jenayah syariah. Garis panduan yang dimaksudkan ialah Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri (Garis Panduan Penguatkuasaan Undang-undang Jenayah Syariah) 2007. Kemudiannya, garis panduan lain juga diwujudkan termasuklah Arahan Ketua Pendakwa Syarie dan Kod Etika Pegawai Penguatkuasa Agama Jabatan Agama Islam Negeri 2008. Garis panduan ini diwujudkan untuk menjelaskan peruntukan yang terdapat dalam akta dan enakmen sedia ada yang menggunakan bahasa undang-undang yang bersifat teknikal dan menggunakan ayat yang panjang.<sup>14</sup> Para penguat kuasa agama dan juga pegawai pendakwa syarie yang tidak berlatar belakangkan undang-undang dapat memanfaatkan penjelasan dalam garis panduan ini. Mereka lebih mudah memahami konteks dan pemakaian kandungan dalam seksyen tersebut. Perbincangan akan melihat dengan lebih lanjut garis panduan ini.

12 Secara keseluruhannya, rasa tidak puas hati ini adalah mengenai alasan ditangkap; walau bagaimanapun, isu berkenaan dengan layanan selepas ditangkap, semasa siasatan dan tempoh menunggu sehingga kes disebut di mahkamah adalah antara isu lain yang dilihat oleh penulis sebagai isu-isu yang perlu dibaik pulih untuk memantapkan pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah.

13 Siti Zubaidah Ismail, "Dasar Penguatkuasaan dan Pendakwaan Jenayah Syariah di Malaysia: Satu Analisis" dlm. *Jurnal Syariah* Jilid 16, Keluaran Khas hlm. 540, 2008.

14 Siti Zubaidah Ismail, "Dasar Penguatkuasaan dan Pendakwaan Jenayah Syariah di Malaysia: Satu Analisis" dlm. *Jurnal Syariah* Jilid 16, Keluaran Khas hlm. 540, 2008.

## **KEPENTINGAN GARIS PANDUAN KEPADA PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH**

Kejayaan kes pendakwaan bergantung pada takat siasatan oleh bahagian penguatkuasaan. Takat siasatan adalah perlu bagi melengkapkan elemen-elemen seksyen pertuduhan. Setiap siasatan dilakukan dengan anggapan bahawa kes akan dibicarakan apabila orang kena tuduh (OKT) tidak mengaku bersalah, dan tidak sekadar mengharapkan suspek mengaku bersalah semasa sebutan pertama kes. Takat siasatan pula sebahagiannya perlu disokong dengan maklumat yang didapati semasa tindakan pemeriksaan dalam operasi tangkapan.

Oleh sebab itu, amat penting bagi seseorang pegawai penguat kuasa agama memahami prosedur dan kaedah melaksanakan operasi dan siasatan kes jenayah syariah. Kesan ketidakfahaman mengenai prosedur dan kaedah operasi dalam siasatan akan menjejaskan keseluruhan kes. Pendakwa syarie yang bertanggungjawab untuk menentukan nilai sesuatu kes boleh memutuskan agar pendakwaan ini tidak diteruskan walaupun selepas beberapa kali arahan siasatan lanjut diarahkan kepada pegawai penyiasat.<sup>15</sup>

Untuk tujuan pemahaman, garis panduan sedia ada sebagai contoh Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007, dilihat boleh membantu penguat kuasa agama memahami beberapa perkara asas mengenai siasatan dan operasi,<sup>16</sup> walaupun tidak secara terperinci. Oleh itu, garis panduan sedia ada amat penting untuk dikaji supaya kandungan ilmu di dalamnya dapat dikembangkan. Walau bagaimanapun, di Wilayah Persekutuan didapati garis panduan sedia ada tidak dikaji secara mendalam. Hal ini boleh dilihat berdasarkan kualiti kerja penguat kuasa agama. Sebagai contoh, alasan ketiadaan gambar dalam operasi disandarkan pada alasan keterlupaan dalam penyelenggaraan kamera; atau siasatan yang tidak menyeluruh dalam pengambilan keterangan saksi operasi mengikut peranan; padahal aspek-aspek itu telah ditekankan dalam Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007.

Untuk pendakwaan pula, garis panduan sedia ada seperti Arahan Ketua Pendakwa Syarie, turut menyentuh perkara asas mengenai proses mengkaji fail kes dan sebutan di mahkamah. Walaupun tidak terperinci, arahan ini masih dapat memberikan kefahaman asas kepada pegawai pendakwa syarie yang baharu misalnya. Walau bagaimanapun, di bahagian pendakwaan, pemahaman terhadap kandungan akta atau enakmen itu sendiri lebih ditekankan kerana skop kuasa dan tindakan berpunca daripada akta atau enakmen.

Secara umumnya, beberapa garis panduan sedia ada yang akan dibincangkan itu penting untuk memberikan kefahaman terhadap perkara asas. Garis panduan ini memberikan gambaran asas tentang tatacara operasi

dan siasatan bahagian penguatkuasaan agama dan perkara asas tentang tindakan pendakwaan.

Garis panduan yang memberikan penjelasan secara ringkas ini dapat memberikan kefahaman dan gambaran awal tentang tugas dalam penguatkuasaan dan pendakwaan undang-undang jenayah syariah. Garis panduan ini sebagai satu langkah persediaan untuk mengelakkan daripada tohmahan pihak luar yang pada ketika ini gemar menimbulkan isu tentang gerak kerja penguatkuasaan. Hal ini termasuklah insiden yang berlaku semasa serbuan operasi yang melibatkan kecederaan suspek dan juga aduan suspek terhadap penganiayaan yang dilakukan oleh anggota penguatkuasaan agama. Anggota penguat kuasa dalam kes ini telah dihadapkan dengan pelbagai pertuduhan termasuklah memalukan dan mengaibkan suspek yang ditangkap yang terdiri daripada pegawai khidmat pelanggan (GRO). Dalam insiden ini ternyata kritikan tersebut adalah mengenai tatacara dan prosedur pihak penguatkuasaan agama.

Selain itu, operasi kes tangkapan khalwat misalnya yang melibatkan kecederaan atau kematian suspek juga banyak mendapat kritikan, terutamanya terhadap tindakan anggota penguat kuasa yang cuai sehingga berlakunya insiden<sup>15</sup> berkenaan. Namun begitu, banyak yang tidak mengetahui punca sebenar insiden tersebut. Mengikut pengalaman penulis, kebanyakan insiden yang berlaku adalah disebabkan oleh tertuduh yang tahu bahawa dirinya melakukan kesalahan cuba mengelak daripada ditangkap dengan memilih untuk melompat keluar dari tingkap bilik hotel atau bersembunyi di atas siling rumah. Kebanyakan insiden yang berlaku adalah disebabkan cubaan suspek untuk mengelak daripada ditangkap. Walaupun begitu, tidak dinafikan terdapat kes anggota penguat kuasa memotong pagar besi rumah, atau merosakkan pintu rumah suspek. Berdasarkan kes yang dilaporkan, anggota penguat kuasa hanya akan mengambil tindakan sedemikian selepas amaran diberikan dan suspek masih enggan memberikan kerjasama. Dalam sebahagian kes pula, amaran untuk memotong pagar contohnya hanya dilaksanakan dengan kehadiran pihak polis.<sup>16</sup> Walau bagaimanapun, anggota penguat kuasa juga perlu arif semasa memutuskan tindakan yang perlu diambil untuk memaksa suspek. Hal ini demikian kerana kesan daripada tindakan seperti ini boleh membawa kepada kes saman terhadap jabatan. Oleh itu, hal ini memerlukan pemahaman terhadap prosedur undang-undang. Namun demikian, susunan ayat dalam akta berkenaan tidak dapat difahami dengan mudah tanpa penerangan dan garis panduan.

15 Berdasarkan pengalaman penulis.

16 Kuasa anggota penguatkuasaan ketika membuat tangkapan adalah berpancukan peruntukan seksyen-seksyen di dalam Bab 2 Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1996.



Selain itu, terdapat juga kes jenayah syariah yang mendapat kritikan dan komen negatif sehingga membawa kepada usaha untuk mempertikaikan legitimasi tindakan operasi dan pendakwaan melalui semakan kehakiman yang difailkan di mahkamah sivil. Beberapa kes ajaran sesat misalnya disemak di mahkamah sivil apabila pihak cuba mempersoalkan isu sama ada peruntukan seksyen yang digunakan sebagai asas pendakwaan terhadap mereka sah mengikut Perlembagaan Persekutuan. Pada tahun 2012 pula, anggota penguatkuasaan, sebagai usaha untuk mencegah cubaan untuk merosakkan akidah masyarakat Islam di negara ini, telah bertindak membuat pemeriksaan di sebuah kedai buku di Kuala Lumpur. Hasil pemeriksaan tersebut, rampasan beberapa buah buku bertajuk *Allah, Liberty and Love* dan tangkapan dibuat terhadap pengurus stor yang dipercayai mempunyai kuasa untuk mengawal dan memutuskan buku-buku yang diletakkan di atas rak kedai untuk tujuan jualan. Kes tersebut juga telah disemak melalui tindakan Semakan Kehakiman di mahkamah sivil.<sup>17</sup> Antara isu yang disemak termasuklah isu berkenaan dengan tindakan pihak penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan menyerbu, mengeledah, merampas dan menyita buku *Allah, Liberty and Love* karangan Irshad Manji yang disyaki mengandungi kandungan yang bertentangan dengan hukum syarak. Isu berkenaan tindakan pendakwaan terhadap salah seorang kakitangan Berjaya Books Sdn Bhd, iaitu Nik Raina binti Nik Abdul Aziz. Kes ini bukanlah merupakan kes pertama yang melibatkan tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan disemak.<sup>18</sup> Hal ini menunjukkan betapa pentingnya garis panduan bagi menjelaskan tindakan yang boleh diambil dan yang tidak perlu diambil. Kesan tindakan yang mengikut prosedur tetapi tanpa ada langkah-langkah<sup>19</sup> untuk mengelak sebarang bentuk serangan balas semasa prosiding di mahkamah juga memberikan gambaran negatif kepada penguatkuasaan syariah. Kes di atas masih lagi menanti penyelesaiannya pada peringkat rayuan di mahkamah sivil dan perbicaraan di mahkamah syariah dan mahkamah sivil.

- 
- 17 Berjaya Books Sdn Bhd, Stephen Fung Wye Keong & Nik Raina binti Nik Abdul Aziz ('Pemohon-pemohon) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Menteri Dalam Negeri & Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) (Responden-responden), Semakan Kehakiman No. R2-25-137-06/2012.
- 18 Antara kes jenayah syariah yang disemak di mahkamah sivil termasuklah Kes Semakan Kehakiman *Rasul Melayu Abdul Kahar* 4 *CLJ* [2008] 309, kes *Kamariah binti Ali* [2002] 3 *CLJ* 766 dan juga kes semakan kehakiman *Berjaya Books Sdn Bhd* di Selangor.
- 19 Contohnya dalam kes ini tindakan memohon waran geledah sebelum rampasan boleh menguatkannya lagi tindakan merampas buku-buku tersebut.

Sekiranya dilihat secara psikologi, konsep jenayah syariah yang dikategorikan sebagai *victimless crime* (jenayah tanpa mangsa)<sup>20</sup> boleh mengundang rasa benci pihak yang berkenaan apabila urusan peribadi hidup mereka diintip. Pada hari ini, kritikan sebegini banyak dilihat di blog khususnya oleh individu bergelar Muslim moden. Hal ini sedikit banyak memberikan tanggapan dan gambaran negatif terhadap penguatkuasaan undang-undang syariah. Ada yang menuduh penguatkuasaan agama sebagai tidak mementingkan keadilan<sup>21</sup> dan pelbagai lagi kritikan bagi menggambarkan rasa tidak puas hati terhadap pihak tertentu. Tanggapan negatif seperti ini menyebabkan anggota masyarakat memandang serong terhadap penguatkuasaan dan pendakwaan undang-undang syariah.

## GARIS PANDUAN

### 1) Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007

Pada tahun 2005 dalam Operasi The Zouk, beberapa insiden yang berlaku membuka peluang kepada kritikan pihak tertentu yang menyarankan supaya dihapuskan undang-undang jenayah syariah di Malaysia. Saranan ini kemudiannya mendapat perhatian pihak atasan. Pihak Jabatan Peguam Negara (AGC) melihat cara untuk mengekalkan undang-undang jenayah syariah dan pada masa yang sama memberikan jaminan supaya insiden The Zouk tidak berulang sebagai jawapan kepada saranan tersebut. Kemudiannya, Seksyen Syariah, Jabatan Peguam Negara, satu jawatankuasa<sup>22</sup> ditubuhkan untuk menyediakan garis panduan yang bertindak sebagai prosedur standard (S.O.P) kepada penguat kuasa agama yang melaksanakan undang-undang jenayah syariah. Salah satu rujukan yang dibuat oleh jawatankuasa ini ialah Arahan Tetap Pengarah JAIS 2002 (Pindaan 2004); yang telah diguna pakai sebagai S.O.P. oleh penguat kuasa agama Jabatan Agama Islam Selangor. Hasil kajian jawatankuasa ini akhirnya membawa kepada terhasilnya Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007.

20 Siti Zubaidah Ismail, "Dasar Penguatkuasaan dan Pendakwaan Jenayah Syariah di Malaysia: Satu Analisis" dlm. *Jurnal Syariah*, Jilid 16 Keluaran Khas, hlm. 538, 2008.

21 "Justice, Sorry JAWI is not Interested," *The Malay Mail* pada 26/9/2013, dimuat turun dari laman web <http://www.themalaymailonline.com/opinion/azrul-mohd-khalib/article/justice-sorry-jawi-is-not-interested>. Capaian pada 27 Mac 2014.

22 Ahli jawatankuasa ini disertai oleh wakil-wakil Jabatan Peguam Negara (AGC), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), pengamal undang-undang syariah dan ahli akademik.

Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007 (“Arahan Tetap 2007”) merupakan hasil pembentangan kajian jawatankuasa yang kemudiannya dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) yang dikelolakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YAB Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi pada 7 Jun 2007. Garis panduan ini disediakan dalam bentuk Arahan Perkhidmatan. Pelanggaran arahan ini boleh menyebabkan seseorang penguat kuasa agama dikenakan tindakan tatatertib menurut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.<sup>23</sup> Kesignifikanan Arahan Tetap 2007 ini adalah untuk membolehkan tindakan secara pentadbiran dikenakan oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri terhadap bahagian penguat kuasa sekiranya timbul percanggahan dengan Arahan Tetap 2007 ini. Tarikh berkuat kuasa Arahan Tetap 2007 ini mengikut tarikh yang ditetapkan oleh majlis agama Islam negeri.<sup>24</sup> Dengan kata lain, peraturan ini tertakluk pada kesediaan majlis agama Islam negeri sebelum boleh berkuat kuasa di jabatan agama negeri.

Pemakaian Arahan Tetap 2007 ini pula disasarkan kepada semua pegawai penguat kuasa agama<sup>25</sup> yang melaksanakan undang-undang jenayah syariah di Malaysia secara umum. Usaha ini jelasnya bertujuan mengadakan piawaian yang sama dalam penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah. Secara umumnya, Arahan Tetap 2007 menyentuh perkara yang melibatkan;

- (a) Pendahuluan.
- (b) Tatacara penerimaan maklumat.
- (c) Tatacara menjalankan siasatan.
- (d) Tatacara berkaitan penyediaan kertas siasatan.
- (e) Penyediaan laporan ringkas kes.
- (f) Tatacara pengendalian benda yang disita.
- (g) Am.

Sekiranya diteliti, kandungan Arahan Tetap 2007 ini merupakan penjelasan kepada peruntukan sedia ada dalam akta dan enakmen tatacara jenayah syariah. Contohnya, tatacara penerimaan maklumat memberikan penjelasan yang agak terperinci mengenai proses maklumat diterima sama ada dengan kehadiran pemberi maklumat di hadapan pegawai penguat kuasa agama atau melalui surat, telefon, maklumat untuk kesalahan boleh tangkap dan maklumat untuk kesalahan tak boleh tangkap; dan juga butiran yang

---

23 Arahan 27 Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007.

24 Arahan 1(2) Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007.

25 Arahan 2 Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007.

perlu dimasukkan ke dalam Borang 5. Penjelasan ini merupakan penerangan untuk seksyen-seksyen<sup>26</sup> pada Bab 1 darihal maklumat kepada hakim dan pegawai penguat kuasa agama Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (“Akta 560”). Seksyen 9 Akta 560 sekiranya dilihat dari segi bahasanya adalah agak langsung untuk memahaminya. Penjelasan dalam tatacara penerimaan maklumat yang terkandung dalam Arahan Tetap 2007 membantu pegawai penguat kuasa agama memahami konteks seksyen tersebut. Dalam tatacara menjalankan siasatan pula, huraian mengenai tindakan pegawai penguat kuasa agama sebelum dan semasa operasi di lokasi termasuklah tatacara untuk masuk membuat pemeriksaan di lokasi serta terhadap suspek sehinggalah pengegedahan lokasi diterangkan secara terperinci. Selain itu, tatacara ini menerangkan tindakan selepas tangkapan, iaitu bagaimana suspek perlu dikendalikan sehingga dapat dilepaskan dengan jaminan penguat kuasa dan sebagainya. Begitu juga tatacara berkaitan dengan penyediaan kertas siasatan yang turut diterangkan dengan agak terperinci. Penjelasan ini juga merupakan hasil gabungan seksyen-seksyen berkenaan dengan tatacara menangkap, menggeledah tempat tangkapan dan memeriksa suspek serta siasatan dalam Akta 560.

S.O.P yang disenaraikan dalam Arahan Tetap Pengarah 2007 ini juga dilihat sebagai langkah berhati-hati untuk mengelakkan timbulnya aduan tidak puas hati daripada suspek yang ditangkap. Contohnya arahan untuk memaklumkan kepada ketua polis daerah atau ketua balai polis sebelum tiba di lokasi<sup>27</sup> dan arahan untuk membuat laporan polis selepas selesai operasi.<sup>28</sup> Arahan sebegini merupakan langkah berhati-hati supaya tiada pihak lain boleh membuat aduan bagi menyatakan bahawa mereka disalah tangkap atau harta benda mereka dimusnahkan ketika pihak penguat kuasa agama menjalankan operasi.

Dari segi perkataan yang digunakan pula, Arahan Tetap 2007 ini agak jelas dan menggunakan susunan yang boleh difahami dengan mudah oleh seseorang yang tidak berlatarbelakangkan undang-undang. Arahan Tetap 2007 ini bertujuan menghuraikan dan menjelaskan peruntukan sedia ada dalam akta dan enakmen tatacara jenayah. Walau bagaimanapun, arahan ini hanya memberikan gambaran mengenai tindakan yang perlu diambil pada peringkat operasi dan siasatan sahaja dan perkara ini boleh dijadikan

---

26 Khususnya seksyen 9 Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.

27 Arahan tindakan semasa berada di lokasi, Tatacara Menjalankan Siasatan, Arahan Tetap Pengarah 2007.

28 Arahan tindakan selepas tangkapan, Tatacara Menjalankan Siasatan, Arahan Tetap Pengarah 2007.

sebagai satu senarai ringkas untuk anggota penguat kuasa agama supaya langkah-langkah yang penting sama ada pada peringkat operasi atau siasatan tidak tercicir. Apabila dikaji lebih lanjut, Arahan Tetap 2007 ini sebenarnya tidak menghuraikan tatacara pada peringkat lain, seperti peringkat apabila fail kes telah diserahkan kepada bahagian pendakwaan, peringkat apabila kes sudah didaftarkan di mahkamah dan peringkat perbicaraan; sedangkan pada peringkat ini tanggungjawab seseorang pegawai siasatan masih besar. Arahan ini juga tidak menerangkan tindakan yang harus diambil untuk memaksa suspek hadir; prosedur apabila penguat kuasa agama ingin membuat permohonan waran tangkap, waran geledah dan sebagainya semasa kes masih pada peringkat siasatan. Arahan ini juga tidak menyenaraikan cara sekiranya suspek ditahan di penjara; apabila dia perlu dibawa ke Mahkamah; prosedur pengendalian alat elektronik seperti kamera, mesin *alcho-blow*, perakam video dan lain-lain.

Oleh itu, sekitar tahun 2013 telah diadakan perbincangan lanjut mengenai cadangan untuk meminda Arahan Tetap Pengarah 2007 bagi memasukkan sebahagian daripada perkara tersebut. Hasil perbincangan tersebut sama ada diluluskan atau tidak masih lagi belum diputuskan.

Di sini juga, penulis ingin mencadangkan supaya perincian mengenai peruntukan dari segi kaedah melakukan operasi dan pembuktian sebahagian peruntukan dalam akta dan enakmen jenayah syariah yang sebelum ini tidak atau jarang-jarang dirujuk dimasukkan; telah mula dirujuk seperti seksyen 7,<sup>29</sup> 9,<sup>30</sup> 13,<sup>31</sup> 23<sup>32</sup> Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997. Hal ini secara langsung membantu mengembangkan aplikasi undang-undang jenayah syariah di Malaysia. Walau bagaimanapun, sekiranya perkara yang boleh memperincikan siasatan ini tidak dijelaskan hal ini akan menyukarkan tugas pegawai pendakwa syarie untuk membuktikan sesuatu isu yang dibangkitkan dalam perbicaraan. Hal ini akan menjejaskan kes pendakwaan. Hal ini berlaku apabila siasatan dibuat secara tidak terperinci. Selain itu, Arahan Tetap 2007 ini juga perlu menyokong perubahan positif

---

29 Seksyen 7 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 kesalahan menghina, atau menyebabkan dipandang hina, dan lain-lain, Agama Islam.

30 Seksyen 9 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 kesalahan menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama. Sejak tahun 2012, kes-kes yang didakwa di bawah seksyen ini adalah melibatkan para pegawai khidmat pelanggan (GRO) dan yang terbaharu, digunakan dalam pertuduhan terhadap Kassim Ahmad.

31 Seksyen 13 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 kesalahan penerbitan agama yang bertentangan dengan hukum syarak. Seksyen ini telah dicabar kesahihannya dalam kes buku *Allah, Love and Liberty*.

32 Seksyen 23 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 kesalahan persetujuan luar nikah.

kepada penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah dengan menghuraikan lebih banyak proses khususnya yang berkaitan dengan mahkamah syariah.

## 2) **Kod Etika Pegawai Penguatkuasa Agama Jabatan Agama Islam Negeri 2008**

Kod Etika Pegawai Penguat kuasa Agama Jabatan Agama Islam Negeri 2008 (“Kod Etika 2008”) merupakan satu lagi garis panduan melalui Arahan Perkhidmatan yang dikelolakan dan diterbitkan oleh JAKIM. Kod Etika 2008 juga disasarkan kepada anggota penguat kuasa agama. Kod etika hanya merupakan satu garis panduan ringkas mengenai perilaku dan sifat yang harus diamalkan oleh seorang penguat kuasa agama. Kod Etika 2008 ini dibahagikan kepada lima bahagian:

- (a) Nama.
- (b) Pemakaian.
- (c) Tatakelakuan umum.
- (d) Tatakelakuan khusus.
- (e) Am.

Kod Etika 2008 ini cuba untuk mempraktikkan dan menyemai sifat seorang Islam yang adil dalam diri setiap individu yang melaksanakan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia. Hal ini selari dengan kehendak firman Allah Taala dalam al-Quran, yang bermaksud:

*(Dan apabila (kamu) menetapkan hukum antara manusia, hendaklah kamu menetapkannya secara adil)*<sup>33</sup>

Ayat di atas menjadi asas kepada penguatkuasaan undang-undang syariah yang adil. Hal ini termasuklah cara tugas penguatkuasaan undang-undang dilakukan oleh para pelaksana undang-undang.

Pemakaian Kod Etika 2008 ini tidak tertakluk pada mana-mana tarikh yang perlu ditetapkan oleh majlis agama Islam negeri, sebaliknya terpakai kepada semua penguat kuasa agama sepanjang tempoh perkhidmatannya ketika melaksanakan undang-undang jenayah syariah.<sup>34</sup> Oleh sebab itu, sebarang tindakan yang bertentangan dengannya boleh menyebabkan seorang penguat kuasa agama dikenakan tindakan tatatertib menurut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.<sup>35</sup>

33 *Surah al-Nisa’* (4:58).

34 Bahagian Pemakaian, Kod Etika Pegawai Penguatkuasa Agama Jabatan Agama Islam Negeri 2008.

Di sini penulis melihat etika pegawai penguat kuasa agama ketika berkomunikasi dengan bahagian pendakwaan, bahagian, jabatan, atau pihak luar tidak disebut. Sebagai contoh, isu dan masalah mengenai komunikasi antara bahagian pendakwaan dengan penguatkuasaan. Secara jujurnya bahagian pendakwaan mempunyai masalah komunikasi yang menyebabkan setiap arahan untuk siasatan lanjut tidak dilengkapkan. Sekiranya pada pendapat pegawai penyiasat arahan pegawai pendakwa sukar dilaksanakan; maka tindakan yang diarahkan tidak akan dilakukan; sedangkan arahan siasatan lanjut bagi menguatkan lagi pendakwaan kes. Masalah jelas timbul ketika menyiasat kes jenayah syariah yang memerlukan kaedah penyiasatan yang agak teknikal dan memerlukan kreativiti.<sup>36</sup> Pada pendapat penulis, permasalahan sebegini timbul disebabkan oleh pegawai penguat kuasa agama ialah pegawai berskim “S”, iaitu mereka ini merupakan pegawai hal ehwal agama Islam dan bukan daripada skim beruniform yang meletakkan disiplin sebagai asas dalam perkhidmatan, seperti polis dan tentera. Mereka tidak dibiasakan dengan cara kerja seperti anggota polis; yang cekap berkomunikasi dan cepat ketika mengambil tindakan terhadap arahan yang diberikan oleh pendakwa raya. Keadaan ini menjadi lebih serius apabila pegawai pendakwa syarie sekarang terdiri daripada pegawai berskim “LS” yang mempunyai latar belakang undang-undang. Hal ini menyebabkan wujudnya jurang perspektif terhadap pelaksanaan tugas. Secara tidak langsung hal ini memperlihatkan perbezaan cara mereka menilai sesuatu kes dari segi pembuktian dan isu sampingan bagi membuktikan kes. Apabila fail kes dihantar semula untuk siasatan lanjut terhadap perkara teknikal yang memerlukan siasatan di tempat kejadian atau siasatan terhadap perkara dan isu sampingan,<sup>37</sup> pegawai penguat kuasa agama selaku pegawai penyiasat masih lagi berada di takuk lama. Mereka tidak pergi ke tempat kejadian dan mereka lebih selesa berada di pejabat melakukan siasatan yang menyebabkan siasatan tidak meluas. Akibatnya, fail kes dipulangkan semula kepada pegawai pendakwa syarie bersama-sama dengan minit tidak dapat dilaksanakan dengan cadangan supaya kes ditutup.

---

35 Bahagian Am, Kod Etika Pegawai Penguatkuasa Agama Jabatan Agama Islam Negeri 2008.

36 Sebagai contoh, siasatan di bawah seksyen 23 untuk kesalahan persetubuhan luar nikah dan seksyen 19 untuk kesalahan minum minuman memabukkan; yang siasatannya memerlukan rujukan kepada hospital, jabatan kimia dan agensi luar yang lain.

37 Contohnya untuk mendapatkan laporan kimia untuk kes kesalahan minum minuman memabukkan di bawah seksyen 19 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, atau dalam kes persetubuhan luar nikah, siasatan perlu dilakukan di Jabatan Pendaftaran Negara dan memerlukan laporan DNA lelaki tertuduh.

Satu lagi etika yang ditekankan dalam Kod Etika 2008 ialah sikap proaktif pegawai penguat kuasa agama ini dalam melaksanakan tugas mereka. Sebagai pegawai operasi, lebih-lebih lagi pegawai penyiasat. Hal ini sangat wajar diberi perhatian kerana kes jenayah syariah sekarang sangat berlainan situasinya daripada kes jenayah syariah 10 tahun yang lalu, dengan wujudnya kesedaran orang awam terhadap hak mereka untuk diwakili dan dibicarakan, bukan sekadar mengaku bersalah apabila dibacakan pertuduhan.<sup>38</sup>

### 3) Arahan Ketua Pendakwa Syarie

Selepas tahun 2008, pegawai pendakwa syarie yang berskim “S” telah ditukarkan dengan skim yang baharu, iaitu “LS”. Perubahan ini dilaksanakan atas keperluan untuk memastikan pegawai yang menguruskan kes di mahkamah mempunyai latar belakang undang-undang syariah. Skim “LS” tidak lagi diletakkan di bawah pengawasan JAKIM, bahkan diletakkan di bawah pengawasan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang menguruskan secara khusus isu berkenaan dengan kehakiman dan perundangan undang-undang syariah di Malaysia.

Arahan ketua pendakwa syarie walau bagaimanapun, diterbitkan oleh pihak JAKIM dengan persetujuan oleh ketua pendakwa syarie negeri-negeri. Penulis melihat alasan mengapa bidang tugas ini dikelolakan oleh JAKIM adalah kerana kebanyakan bahagian pendakwaan negeri diletakkan di bawah satu bumbung dengan jabatan agama negeri. Arahan ketua pendakwa syarie merupakan Arahan Perkhidmatan yang menghuraikan tatacara berkenaan dengan kes pendakwaan. Tarikh pemakaiannya juga tidak tertakluk pada tarikh oleh majlis agama Islam negeri, tetapi berdasarkan tarikh yang ditetapkan oleh ketua pendakwa syarie negeri dan arahan ini disasarkan kepada semua pegawai dan pembantu pegawai yang menjalankan tugas berkaitan dengan pendakwaan di bawah undang-undang jenayah syariah Malaysia.

Seperti garis panduan yang terdahulu, arahan ini juga dibahagikan kepada beberapa bahagian termasuklah:

- (a) Bahagian I Permulaan.
- (b) Bahagian II Penyediaan Buku Daftar dan Buku Rekod.
- (c) Bahagian III Penerimaan dan Penyemakan Kertas Siasatan.
- (d) Bahagian IV Prinsip Pendakwaan.
- (e) Bahagian V Penyediaan Pertuduhan.

---

38 Pengalaman penulis sebagai Ketua Pendakwa Syarie di Wilayah-Wilayah Persekutuan.



- (f) Bahagian VI Prosiding Pendakwaan dan Perbicaraan.
- (g) Bahagian VII Rayuan.
- (h) Bahagian VIII Am.

Arahan ini juga merupakan huraian terhadap akta dan enakmen tatacara jenayah syariah negeri-negeri. Kesan kegagalan untuk patuh kepada arahan ketua pendakwa syarie juga boleh menyebabkan seseorang pegawai pendakwa dikenakan tatatertib menurut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan tatatertib) 1993, kesan yang sama dengan pelanggaran Kod Etika 2008. Akan tetapi, penulis melihat bahawa Arahan Ketua Pendakwa Syarie ini hanya sekadar ringkasan berkenaan dengan tatacara tersebut, manakala kandungannya pula kurang daripada 20 halaman.

Satu perkara yang menarik perhatian ialah pertukaran skim “S” kepada “LS” untuk pendakwa syarie pada tahun 2008 ini telah membuka minda para pelaksana undang-undang jenayah syariah. Dengan latar belakang undang-undang, ditambah lagi dengan pengalaman sesetengah pegawai sebagai peguam bertauliah; membolehkan peruntukan dalam akta dan enakmen difahami dan diaplikasi dengan lebih efektif dan mereka juga mampu untuk membuat perbandingan dengan undang-undang jenayah sivil<sup>39</sup> dan meneliti kes jenayah sivil.

## **GARIS PANDUAN LAIN YANG DIRUJUK**

### **a) Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia**

Arahan amalan ini biasanya menjadi rujukan kepada pegawai pendakwa syarie untuk menentukan kewujudan jenayah syariah dalam sesuatu perbuatan. Sebagai contoh Arahan Amalan No. 2 Tahun 2010.<sup>40</sup> Arahan amalan ini menjadi rujukan kepada bahagian pendakwaan untuk menjawab isu sama ada seseorang lelaki yang melafazkan cerai secara taklik boleh tuduh di bawah seksyen 124 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 atau sebaliknya. Arahan

---

39 Kebolehan ini perlu kerana di Wilayah Persekutuan contohnya, terdapat banyak isu dalam perbicaraan yang melibatkan dokumentasi dan barang kes dan peruntukan di dalam Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 tidak cukup untuk tujuan interpretasi dan aplikasi. Dalam sesetengah kes, interpretasi diambil melalui kes-kes sivil yang telah diputuskan.

40 Berkenaan Pengesahan Perceraian Lafaz Taklik Kecuali Taklik Surat Perakuan Nikah dan Efek Penalti di bawah seksyen 124/125 Undang-undang Keluarga Islam.

Amalan No. 8 Tahun 2005<sup>41</sup> pula menerangkan takrifan atau interpretasi perkataan bertindak atau berkelakuan tidak sopan untuk kesalahan di bawah seksyen 29 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.

#### **b) Fatwa Kebangsaan dan Fatwa Wilayah-wilayah Persekutuan**

Fatwa yang diwartakan di bawah Seksyen 34 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 mempunyai nilai autoritatif dalam perundangan.<sup>42</sup> Setakat ini, bahagian pendakwaan Wilayah Persekutuan menggunakan fatwa sebagai sandaran pertuduhan di bawah Seksyen 9 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.

### **CABARAN PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN**

Garis panduan di atas dilihat mempunyai input yang dapat memberikan kefahaman kepada bidang tugas yang perlu dilaksanakan oleh anggota penguat kuasa dan pendakwa. Output yang terhasil pula akan dapat memastikan agar garis panduan ini diterapkan dalam tatacara kerja. Penulis melihat bahawa kursus untuk pemahaman terhadap garis panduan ini tidak dijalankan secara kerap dan bersiri. Hal ini menyebabkan kurangnya pendedahan mengenai garis panduan ini dalam kalangan anggota penguat kuasa khususnya. Pendedahan mengenai Arahan Tetap Pengarah 2007 dilihat dapat memberikan kesan kepada budaya kerja sekiranya diamalkan dari semasa ke semasa.

Pada bahagian pendakwaan pula, kursus mengenai pemahaman praktikal tentang akta dan enakmen, *mock trial* untuk kes tertentu, tatacara dalam perbicaraan kes dilakukan dari semasa ke semasa. Kursus ini adalah antara usaha jangka panjang Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) untuk menerapkan gerak kerja yang positif. Walau bagaimanapun, penerangan mengenai garis panduan seperti Arahan Ketua Pendakwa Syarie masih lagi kurang didedahkan, walaupun kelas-kelas pemahaman akta sering dilakukan. Penjelasan mengenai Arahan Amalan pula sering dikelolakan oleh pihak

---

41 Berkenaan Maksud Perkataan Bertindak Atau Berkelakuan Tidak Sopan dalam seksyen 29 Akta/Enakmen Syariah Negeri-Negeri.

42 Subseksyen 34(4) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993.

mahkamah syariah. Walau bagaimanapun, garis panduan sedia ada mengenai tatacara pendakwaan yang telah diwujudkan sepatutnya dilihat dan dikaji supaya dapat dijadikan rujukan yang komprehensif.

Usaha untuk menegakkan yang makruf dan menjauhkan yang mungkar bukanlah satu tanggungjawab yang ringan. Wujudnya garis panduan seperti ini dapat membantu anggota penguatkuasaan khususnya untuk memahami asas dalam operasi dan siasatan kes jenayah syariah. Garis panduan ini juga boleh memberikan kefahaman kepada anggota pendakwaan.

Pertukaran skim yang mensyaratkan latar belakang undang-undang dilihat sebagai satu perubahan yang positif kepada imej amnya dan tugas pendakwaan secara khasnya. Perubahan yang sama seharusnya berlaku di bahagian penguatkuasaan untuk menggalakkan perubahan positif dan gerak kerja bersepadu dengan bidang tugas.

Tidak dinafikan bahawa perubahan yang positif hanya boleh berlaku apabila kefahaman yang jelas dalam bidang tugas dan kesediaan pelaksana undang-undang jenayah syariah untuk menerima dan membudayakan gerak kerja positif tanpa dinafikan penat lelah anggota penguat kuasa agama dan pendakwa syarie selama ini. Diharapkan penguatkuasaan dan pendakwaan undang-undang syariah akan semakin berkembang dengan positif pada masa hadapan.

## RUJUKAN

- Abdul Kahar bin Ahmad *lwn* Kerajaan Negeri Selangor dan lain-lain [2008] 4 *CLJ* 309.
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.
- Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993.
- Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1996.
- Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.
- Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984.
- A. Rahman I. Doi, 1981. *Non Muslim under Shariah Islamic Law*. Pakistan: Kazi Publications Lahore.
- Arahan 1(2) Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007.
- Arahan 2 Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007.

Arahan 27 Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007.

Arahan Amalan No. 2 Tahun 2010.

Berjaya Books Sdn Bhd & lain-lain (Pemohon-Pemohon) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan & lain-lain (Responden-Responden) Permohonan Semakan Kehakiman No.: 25-137-06/2012.

*Black's Law Dictionary*, 2009. Edisi kesembilan. Eagen Minnesota: West Publishing.

“Justice, Sorry JAWI is not Interested,” dlm. *The Malay Mail* 26/9/2013, <http://www.themalaymailonline.com/opinion/azrul-mohd-khalib/article/justice-sorry-jawi-is-not-interested> (Capaian 27hb Mac 2014)

Kes Semakan Kehakiman Rasul Melayu Abdul Kahar 4 CLJ [2008] 309.

Kes Semakan Kamariah binti Ali [2002] 3 CLJ 766.

Kes Semakan *Berjaya Books Sdn Bhd di Selangor*.

Kod Etika Pegawai Penguatkuasa Agama Jabatan Agama Islam Negeri 2008.

Mohamad Akram Laldin, 2006. *Islamic Law an Introduction*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Siti Zubaidah Ismail, “Dasar Penguatkuasaan dan Pendakwaan Jenayah Syariah di Malaysia: Satu Analisis” dlm. *Jurnal Syariah* 16, Keluaran Khas, hlm. 540, 2008.